

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2008/2009

April 2009

JKE 311 – Mikroekonomi 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan daripada **Bahagian A** dan **SATU** daripada **Bahagian B**.
Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

Serahkan keseluruhan kertas jawapan ini **KEPADA KETUA PENGAWAS**.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

...2/-


BAHAGIAN AJawab **SEMUA** soalan.

1. Daripada Rajah 1 di bawah, paksi Y ialah penggunaan input Z, paksi X ialah penggunaan input L, DD ialah garisan isokos yang asal, U ialah keluk isokuan pengeluar, E ialah titik yang menunjukkan kombinasi input Z dan L. Titik di mana keluk isokos DD bersentuhan dengan isokuan U ialah titik keseimbangan alokasi input.

Andaikan input L menjadi murah.

Berdasarkan maklumat yang diberi, jelaskan dan tunjukkan:

- (a) kesan penggantian
- (b) kesan output
- (c) kesan pemaksimuman untung



Rajah 1

(20 markah)


...3/-

2. Teliti rajah 2 di bawah.

Paksi Y mewakili produk Y, paksi X mewakili produk X, $Y'X'$ ialah keluk transformasi produk Y ke X, garisan ZZ ialah keluk MC_X/MC_Y , garis RR ialah keluk MU_X/MU_Y , KK ialah keluk kontrak bagi pengguna, e ialah $MRT_{XY}=MC_X/MC_Y$, f ialah $MRS_{XY}=P_X/P_Y$.

Jika diandaikan kadar transformasi sut antara produk X dan Y (MRT_{XY}) pada titik e ialah 2 dan kadar penggantian sut antara produk X dan Y (MRS_{XY}) pada titik f ialah 3 maka ini bermakna kombinasi output XY tidak membayangkan kehendak pengguna (pengeluaran XY tidak seimbang dengan penggunaan XY).

- (a) Apakah maksud $MRT_{XY} = 2$ dan $MRS_{XY} = 3$
- (b) Jelaskan bagaimana keadaan keseimbangan dapat dicapai semula iaitu pengeluaran membayangkan kehendak pengguna. Tunjukkan titik keseimbangan baru.



Rajah 2

(20 markah)

...4/-

3. (a) Terangkan maksud cekap Pareto.
- (b) Terangkan 3 syarat alokasi yang cekap Pareto (Pareto optimality) bagi
- (i) pengeluar
 - (ii) pengguna
 - (iii) pengeluar dan pengguna
- (15 markah)
4. Titik cekap Pareto tidak menunjukkan titik mana paling tinggi yang memaksimumkan utiliti masyarakat atau yang mempunyai nilai tertinggi. Jelaskan bagaimana Bentham dan Bergson memperbaiki kelemahan ini. Berbantuan rajah, pilih salah satu pendapat tersebut dan jelaskan.
- (20 markah)

...5/-

BAHAGIAN B

[25 MARKAH]

Jawab **SATU** soalan sahaja.

5. Harga minyak telah jatuh ke paras 40 USD setong. Pemimpin OPEC telah bermuafakat untuk mengurangkan pengeluaran minyak. Bincangkan kesannya ke atas ahli-ahli OPEC.

(25 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan eksploitasi buruh? Berbantukan rajah yang sesuai, terangkan bagaimana kesatuan sekerja dapat mengurangkan atau menghapuskan eksploitasi ini.

(25 markah)

7. Dengan bantuan rajah, terangkan bagaimana monopoli dikatakan sebagai satu bentuk kegagalan pasaran.

(25 markah)